



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## SEMPENA

SESI TOWN HALL  
PROJECT URBAN RENEWAL OF BANDAR BUKIT  
MERTAJAM

TARIKH / MASA / TEMPAT  
15 DISEMBER 2018 (SABTU)  
2.00 PETANG

TINGKAT 1  
PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong**

Timbalan Menteri Belia dan Sukan

**Yang Berhormat Puan Chong Eng**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita,  
Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam

**Yang Berhormat Puan Heng Lee Lee**

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Berapit

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**

Puan Setiausaha Perbandaran

**Mr. Naoyuki Kuniyoshi**

Senior Advisor Urban Design

Yokohama City University

**Mr. Okubo Kyoko**

Senior Representative

Japan International Cooperation Agency (Malaysia Office)

**Mr. Yuhi Kuwata**

Manager for Asian and Oceania

International Relations Division

International Affairs Bureau

City of Yokohama

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

## Rakan-Rakan Media

### Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

---

Mr. Naoyuki Kuniyoshi, Senior Advisor Urban Design, Yokohama City University

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

---

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Sesi “*Town Hall*” Projek *Urban Renewal of Bandar Bukit Mertajam*. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Belia dan Sukan; Yang Berhormat Puan Chong Eng, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam; Yang Berhormat Puan Heng Lee Lee, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Berapit; Mr. Naoyuki Kuniyoshi, Senior Advisor Urban Design, Yokohama City University; Mr. Okubo Kyoko, *Senior Representative, Japan International Cooperation Agency - Malaysia Office (JICA)*; Mr. Yuhi Kuwata, *Manager for*

*Asian and Oceania, International Relations Division, International Affairs Bureau, City of Yokohama* [**Thank you for participating in this Town Hall Session**]; Ahli-Ahli Majlis MPSP; Puan Setiausaha Perbandaran; Ketua-Ketua Jabatan serta kakitangan MPSP; dan yang terutamanya para pemimpin tempatan, peniaga dan komuniti Bandar Bukit Mertajam yang sudi melapangkan waktu di hujung minggu untuk hadir memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan Sesi Town Hall ini pada petang ini.

**Yang Berhormat – Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai mensasarkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022. Pelbagai usaha telah diketengahkan untuk mencapai “*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi*”. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga komited untuk melaksanakan wawasan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga). Wawasan *Penang 2030* adalah merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat dan memberi tumpuan kepada kepada empat (4) objektif utama iaitu

meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

***MPSP being a people-oriented organization or "People Centric Organization" and has declared the MPSP Budget 2019 as the "People Centric Budget". MPSP will develop more people centric programmes in year 2019 with the focus on the needs of youths and the elderly. As the youths are generally an outgoing group, we want them to appreciate the development, the environment and the people around them. The elderly have also contributed a lot for Seberang Perai and they should not be left behind.***

***MPSP needs to adopt full accountability and transparency in its policies and deliver fast and effective services which will increase people's confidence and reduce costs.***

***The "Town Hall" Session is a method practiced in people centric organizations such as MPSP in obtaining views and suggestions from all stakeholders which in turn benefits both the organization and the***

***people in any development projects undertaken by MPSP. The "Town Hall" session will enhance the efficiencies, effectiveness and responsiveness of MPSP's planning, development and infrastructure services towards the needs of the Seberang Perai community.***

Suka diingatkan bahawa sesi "*Town Hall*" ini adalah sesi menjana idea dan bukannya sesi membuat aduan. Medium aduan adalah medium berbeza dan saya mohon semua yang hadir ini memahami tujuan kita mengadakan program sebegini.

**Yang Berhormat – Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP telah menandatangani satu perjanjian persefahaman (MOU) pada 20 Oktober 2015 bersama Bandar Yokohama, Jepun, *the Japan International Cooperation Agency (JICA); Yokohama City University; Universiti Sains Malaysia dan Jawatankuasa Persahabatan "Yokohama-Seberang Perai Urban Development"*. Projek yang dikenali sebagai "*The Project to Create Townscape / Communities for Seberang Perai Municipal Council (Malaysia) that Ascend Its History and Nature*" dan merupakan salah satu projek di bawah program kerjasama JICA iaitu "*grassroots*

*projects of technical cooperation*". Melalui kerjasama ini, Bandar Bukit Mertajam telah dipilih sebagai kawasan kajian dengan terma-terma berikut:

- I. Bandar Yokohama dan Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menghantar pakar dalam reka bentuk bandar antara satu sama lain bagi mencapai matlamat ke arah pembangunan yang menghargai nilai sejarah dan alam semula jadi di Bukit Mertajam, Seberang Perai.
- II. JICA menyokong Projek dan menyertai dalam pelaksanaannya sebagai sebuah organisasi melaksanakan Bantuan Pembangunan Rasmi Jepun (ODA).
- III. *Yokohama City University* dan Universiti Sains Malaysia akan bekerjasama antara satu sama lain sebagai anggota "*International Consortium for Sustainable Cities*" (IACSC) dan memberi sokongan kepada projek ini dari sudut pandangan akademik.

- IV. Jawatankuasa Persahabatan “*Yokohama-Seberang Perai Urban Development*” akan bekerjasama dengan kedua-dua bandar dan dua universiti dalam menjalinkan rangkaian kakitangan reka bentuk bandar di Jepun dan Malaysia.
- V. Kerjasama di antara Bandar Yokohama dan Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak akan terhad kepada skop projek ini sahaja, dan akan diteruskan untuk membina hubungan saling membantu membangun bersama-sama dalam menyelesaikan isu perbandaran pada masa akan datang.

**Yang Berhormat – Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Projek kerjasama ini melibatkan kajian bagi tempoh selama tiga (3) tahun sehingga Disember 2018. Objektif utama kajian ini adalah untuk meremajakan semula Bandar Bukit Mertajam dengan memelihara nilai warisan dan identiti tempatan di samping mewujudkan persekitaran yang lebih mesra dan terancang untuk penduduk. Pengalaman dan kepakaran daripada pihak Yokohama dan Universiti dimanfaatkan dengan



pembentukan Pasukan Kerja Bandar Bukit Mertajam yang melibatkan pegawai-pegawai MPSP, pihak USM dan Jawatankuasa Persahabatan “*Yokohama-Seberang Perai Urban Development*”.

Beberapa siri latihan teknikal telah dijalankan di antara Pasukan Kerja Bukit Mertajam bersama Pasukan Yokohama bermula Januari 2016 disertai beberapa siri *community engagement* telah diadakan bersama komuniti Bandar Bukit Mertajam. Berdasarkan hasil perbincangan teknikal dan pandangan yang diperolehi daripada penduduk Bandar Bukit Mertajam. Hasil daripada Projek ‘*Urban Renewal of Bandar Bukit Mertajam*’ ini telah mengenalpasti pelaksanaan lima (5) projek *pilot* di dalam Bandar Bukit Mertajam. Projek tersebut adalah pemasangan papan informasi bandar, pemasangan plat di bangunan bernilai warisan, penyediaan buku panduan bandar Bukit Mertajam, pengindahan anak tangga pasar Bukit Mertajam dan pemasangan ‘*sunshade*’ di lorong sisi antara Jalan Datuk Ooh Choi Cheng dan Jalan Che Bee Nor. Projek-projek ini dijadualkan siap dalam bulan Disember 2018.

#### **I. Pemasangan papan informasi Bandar Bukit Mertajam.**

Pemasangan papan informasi ini akan dilaksanakan di tiga (3) lokasi yang telah dikenalpasti menjadi tempat tumpuan umum iaitu di persimpangan masuk Jalan Pasar, di hadapan Pasar Awam Bukit

Mertajam dan di lorong sisi antara Jalan Datuk Ooh Choi Cheng dan Jalan Che Bee Nor. Papan informasi ini akan menjadi medium maklumat kepada orang ramai akan sejarah bandar Bukit Mertajam dan tempat-tempat menarik di dalam Bandar Bukit Mertajam.

## **II. Pemasangan plat di bangunan yang bernilai warisan.**

Pemasangan plat di bangunan yang mempunyai nilai warisan ini akan dilaksanakan di empat ( 4) buah bangunan yang telah dikenalpasti iaitu rumah kediaman keluarga Ketua Menteri Pulau Pinang Pertama iaitu Tan Sri Wong Pow Nee, Bangunan Persatuan Hung Kung Bukit Mertajam, Kedai Tembikar Tradisional dan Bangunan Kediaman berusia lebih 100 tahun. Pemasangan plat ini dilihat langkah penting bagi mengiktiraf bangunan bernilai warisan yang sedia ada di dalam Bandar Bukit Mertajam. Langkah ini juga dapat menggalakkan pemunya bangunan yang mempunyai nilai warisan ini memelihara dan memulihara bangunan-bangunan ini agar dapat dimanfaatkan untuk pemajuan bandar dan pengekalan warisan.

## **III. Buku panduan Bandar Bukit Mertajam.**

Buku panduan Bandar Bukit Mertajam dihasilkan bagi mempromosikan Bandar Bukit Mertajam sebagai bandar yang

mempunyai pelbagai identiti setempat yang perlu dipelihara. Bandar ini mempunyai kekuatan ekonomi, sosial dan sejarah yang tersendiri dan penghasilan buku panduan ini dapat menyampaikan informasi berkaitan bandar kepada orang ramai termasuk pelancong apabila ditempatkan di beberapa tempat strategik seperti pusat pelancongan, hotel dan lapangan terbang.

#### **IV. Menaik taraf imej tangga Pasar Awam Bukit Mertajam.**

Pasar Awam Bukit Mertajam merupakan salah satu tarikan utama yang terdapat di Bandar Bukit Mertajam. Pasar ini merupakan satu pasar lama yang masih kekal sehingga ke hari ini. Melalui hasil kajian kerjasama ini telah berjaya mengekalkan Tingkat 1 Pasar Awam ini setelah terbakar pada tahun 2014. Kerja-kerja pengukuhan Tingkat 1 Pasar Awam telah berjaya dilaksanakan dan siap pada 17 Julai 2018 dengan kos sebanyak RM819,886.52. Ruang Tingkat 1 Pasar Awam ini akan dimanfaatkan untuk kegunaan awam dan komuniti Bandar Bukit Mertajam. Projek menaiktaraf imej di Tangga Pasar Awam yang siap dilaksanakan pada 12 Disember 2018, dilihat sebagai langkah meningkatkan imej Pasar Awam ini secara khususnya dan menjadi tarikan di dalam Bandar Bukit Mertajam secara amnya. Projek ini dijangka akan menarik ramai pengunjung setempat dan luar daripada Bukit Mertajam di samping mempromosikan ruang awam di tingkat 1.

## V. Pemasangan '*sunshade*' di lorong sisi antara Jalan Datuk Ooh Choi Cheng dan Jalan Che Bee Nor.

Pemasangan '*sunshade*' di lorong sisi ini bertujuan bagi menaiktaraf imej lorong sisi di dalam Bandar Bukit Mertajam dalam usaha mewujudkan persekitaran yang menarik dan selamat kepada pejalan kaki. Projek menaiktaraf lorong sisi ini siap dilaksanakan pada 12 Disember 2018 dan adalah merupakan salah satu langkah dalam menambahkan ruang awam kepada penduduk setempat. Lorong ini hanya akan digunakan oleh pejalan kaki dan kerja-kerja pengindahan akan diteruskan dengan kerjasama erat MPSP dan komuniti di masa hadapan.

Imej di Tangga Pasar Awam dan '*sunshade*' di lorong sisi antara Jalan Datuk Ooh Choi Cheng dan Jalan Che Bee Nor adalah hasil ilham Encik Tang Yeok Khang yang telah dipasang di Tangga Pasar Awam dan lorong sisi dengan kerjasama Rakan Bukit Mertajam dan MPSP.

Hasil kajian daripada Projek '*Urban Renewal of Bukit Mertajam*' juga telah berjaya menghasilkan Draf Garis Panduan Reka Bentuk Bukit Mertajam yang akan mendapatkan maklumbalas komuniti serta agensi

teknikal sebelum dimuktamadkan dan dilaksanakan. Tambahan daripada itu, kajian berkaitan trafik dan lalulintas juga telah dilaksanakan sepanjang tempoh projek kerjasama ini. Hasil kajian trafik ini akan membantu MPSP merancang tindakan penyelesaian bagi kesesakan lalulintas, kekurangan tempat letak kereta dan akses pejalan kaki bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Cadangan projek-projek ini turut mengambil kira pandangan daripada pemimpin dan komuniti setempat. Sesi "*Town Hall*" yang akan diadakan pada hari ini merupakan salah satu medium yang akan digunakan untuk mendapatkan pandangan daripada komuniti. Selain itu, aktiviti kaji selidik dan lain-lain bentuk *community engagement* akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan pembangunan semula Bandar Bukit Mertajam mengambil kira pandangan dan kepentingan komuniti. Projek Rekabentuk Bandar Bukit Mertajam ini turut menggalakkan penyertaan dalam bentuk idea dan *Corporate Social Responsibility (CSR)* daripada pihak swasta dan individu bagi bersama-sama MPSP merealisasikannya. Setakat ini MPSP telah menerima beberapa tawaran daripada beberapa pihak swasta dan Badan Antarabangsa bagi bersama-sama melaksanakan projek-projek ini. MPSP turut ingin menjemput pihak swasta dan individu yang ingin bersama-sama membangunkan semula Bandar Bukit Mertajam dan menyokong inisiatif 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*).

**Yang Berhormat – Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pada hari ini, Sesi "*Town Hall*" di antara MPSP dengan pemimpin tempatan, peniaga dan komuniti Bandar Bukit Mertajam diadakan di Tingkat 1 Pasar Awam Bukit Mertajam bertujuan untuk meraikan projek kerjasama di antara MPSP, *Yokohama City Council*, USM, *Yokohama City University*, *Japan International Cooperation Agency* dan *Yokohama-Seberang Perai Friendship Committee for Urban Planning* yang telah dimeterai pada tahun 2015 sehingga tahun 2018. Projek ini dilihat sebagai salah satu medium MPSP di dalam mencapai matlamat ke arah '*people centric*' kerana telah menggalakkan penglibatan komuniti di peringkat kajian dan juga pelaksanaan projek. Sesi "*Town Hall*" ini juga bertujuan bagi mendapatkan maklum balas dari orang ramai berkenaan Draf Garis Panduan Rekabentuk Bandar Bukit Mertajam yang dalam kajian supaya perlaksanaannya kelak adalah bertepatan dengan keperluan penduduk Bukit Mertajam dan pembangunan bandar yang seimbang.

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian bersama-sama mengambil bahagian serta memberi pandangan dan cadangan agar MPSP dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta dapat

membangunkan Bandar Bukit Mertajam mengikut kepada acuan dan kehendak warga Bukit Mertajam khususnya dan warga Seberang Perai amnya.

***To our Japanese guests representing Yokohama City Council, Yokohama-Seberang Perai Friendship Committee for Urban Planning, Yokohama City University and Japan International Cooperation Agency, we would like to extend our sincere gratitude and appreciation for the highly professional work and cooperation in facilitating and succesfully carrying out the 'Urban Renewal of Bandar Bukit Mertajam'Project.***

***We would like to continue our collaboration and cooperation with Yokohama City Council, Yokohama-Seberang Perai Friendship Committee for Urban Planning, Yokohama City University and Japan International Cooperation Agency in the coming years, if not next year, maybe the year after in an effort to enhance the pilot project that has already started in Bukit Mertajam.***

Thank you dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan

berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**